

18/02/2003

AS, Britain tiada pilihan: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Amerika Syarikat dan Britain tidak mempunyai pilihan selain mendengar pandangan masyarakat dunia, termasuk pendirian Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang mewakili suara penduduk dunia.

Perdana Menteri berkata, demonstrasi menentang peperangan di seluruh dunia termasuk di London yang membabitkan kira-kira dua juta orang harus diberi perhatian oleh dua negara itu.

"Kalau kita (anggota NAM) mempunyai pendapat dan pendirian yang sama, itu sudah memadai untuk mempengaruhi pendapat umum.

"Sama ada suka atau tidak, mereka (Amerika Syarikat dan Britain) terpaksa ambil kira kesan dan pendapat orang ramai dan NAM yang berpendirian sama seperti rakyat di seluruh dunia," katanya pada rakaman wawancara khas oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) sempena penganjuran NAM di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai ketegangan di Teluk, terutama kemungkinan tercetus peperangan di Iraq serta pengaruh NAM dalam usahanya memastikan Amerika Syarikat dan Britain tidak menyerang negara Islam itu.

Beliau berkata, walaupun anggota NAM tidak mempunyai kekuatan tentera dan kewangan, setiap anggota masih menyumbang dengan memberi tekanan moral terhadap barat.

"Kita boleh menyertai gerakan dunia sekarang ini untuk menekan secara moral tentang buruknya penggunaan tentera dan peperangan bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

"Jika kita beri sokongan penuh kepada gerakan ini, saya yakin ia akan mempunyai lebih banyak kesan dan ia adalah satu sumbangan yang besar," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun pendapat NAM mengenai isu lain tidak dipedulikan Barat, isu Iraq berjaya membawa dunia lebih rapat dalam menentang peperangan.

"Kita dapati seluruh dunia membantah tindakan perang terhadap Iraq dan dengan menyertai gerakan ini, kita akan berkesan," katanya.

Mengenai pendirian Qatar yang tidak menyokong diadakan persidangan tergepar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Perdana Menteri berkata, sebagai pengerusi OIC mungkin negara itu mahu mengadakan mesyuarat diadakan secara berasingan.

"Kita hanya mengambil kesempatan kehadiran begitu ramai pemimpn OIC. Kita patut ada persidangan tidak rasmi.

"Justeru, kita masih berunding dengan Qatar untuk menentukan persidangan tidak rasmi yang tidak termasuk urusan rasmi OIC boleh diadakan tanpa dipengerusikan Qatar," katanya.

Dalam wawancara selama kira-kira satu jam itu, Perdana Menteri menjawab pelbagai soalan mengenai fungsi NAM dan yang perlu dilakukan pertubuhan itu supaya kekal relevan dalam perubahan persekitaran dunia kini.

"Kita perlu akui keadaan sudah berubah. NAM ditubuh apabila wujud konfrontasi timur dengan barat (Blok Barat dan Komunis Timur). Jadi kita berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana pihak.

"Kini timur dan barat sudah bersatu dan kadangkala kita dapati mereka seolah mahu menekan negara selatan termasuk anggota NAM.

"Kerana itu kita harus kekalkan perpaduan untuk mempertahankan diri daripada tindakan kurang sihat oleh negara utara," katanya sambil menambah, Malaysia akan cuba mempengaruhi anggota, terutama dalam isu yang

hanya menguntungkan negara utara.

"Kita tak boleh berkecuali dan ia masih diperlukan sebagai gerakan perpaduan bagi menangani tekanan dari utara

"Negara utara hampir bersatu padu dan mereka bertindak bersama dan jika kita tiada gerakan bersama, mungkin satu persatu daripada kita akan ditindas," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan Malaysia harus menunjukkan kepada wakil dunia bagaimana sebuah negara berbilang kaum budaya dan sebuah negara Islam dapat membangun.

"Ini adalah bukti bahawa dakwaan kononnya kaum berbeza tidak dapat hidup rukun damai dan pendapat negara Islam tetap mundur dan tidak dapat ditadbir dengan baik...ini semua tidak benar.

"Malaysia adalah contoh rakyat dapat hidup aman dan umat Islam apabila diberi kuasa tidak menekan mana-mana pihak...ini dapat menangkis syak wasangka barat," katanya.